

## Forum UHIT 1

Pada pandangan anda, apakah perbezaan utama antara sains teknologi menurut perspektif Islam dan perspektif barat? Sila bincangkan

Sains teknologi ialah ilmu sains yang dikumpul secara sistematis diaplikasi di dunia nyata melalui penggunaan teknologi yang memanipulasi fenomena semulajadi untuk menghasilkan keputusan yang diperlukan.

Pada pendapat saya, perbezaan utama antara sains teknologi Islam dan Barat ialah pandangan ahli falsafah Islam dan Barat mengenai tujuannya. Ahli falsafah Barat berpendapat bahawa sains teknologi bertujuan untuk memajukan tamadun manusia, menjadikan manusia lebih baik daripada apa yang sebelumnya. Manakala itu, ahli falsafah Islam mengutarakan pandangan mereka bahawa pengaplikasian ilmu sains teknologi adalah untuk memenuhi aspek penuntutan ilmu fadhu kifayah, yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada tuhan melalui pengalaman melihat kebesaran Allah SWT.

## Forum 2

Perbincangan dan persoalan berkaitan definisi ilmu sememangnya sentiasa mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan ilmuwan sama ada Muslim maupun non-Muslim.

Antara persoalan yang penting tentang ilmu ialah apakah yang dimaksudkan dengan ilmu? Apakah ada sesuatu yang bukan ilmu? Apakah ilmu sama dengan maklumat? Sila kemukakan pandangan anda dengan sokongan pendapat-pendapat para sarjana Muslim dan non-Muslim.

Ilmu itu boleh dilihat sebagai segala pengetahuan yang didapati, dikumpul dan disusun melalui pengalaman atau pembelajaran dalam kehidupan seorang manusia. Ilmu itu bersifat abstrak; ianya hanya wujud sebagai sebuah konsep yang berlandaskan proses pemikiran minda, diubah melalui interaksi dunia di sekitar kita dan interaksi dengan individu lain.

Menurut Akademi Pemikiran Turath, Kaherah, maklumat bukanlah ilmu. Hal ini kerana maklumat bukan disusun secara sistematik dan tidak mengikut prinsip, methode, atau kaedah ilmiah yang disanjungi oleh para ilmuwan. Perbezaan antara ilmu dan maklumat dilihat secara nyata apabila kita membezakan manusia dan komputer; sesungguhnya komputer memang menpunyai pelbagai jenis maklumat di dalamnya, tetapi ia tidak dapat melahirkan pemahaman yang lebih mendalam atau pemikiran matang melalui maklumat tersebut. Sekiranya maklumat itu ilmu, komputer itu akan menjadi makhluk yang paling berilmu di muka bumi ini, menyebabkan berlakunya kontradiksi kepada ayat QS. Al Baqarah : 30, dimana Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi kerana Allah SWT menjadikan manusia sebaik-baik ciptaanNya.

Ilmu dalam Islam boleh dilihat sebagai sebuah ekosistem, kerana ilmu keduniaan dan ilmu kepercayaan saling berkait dan sintesis ilmu tersebut akan melahirkan kefahaman dan kepercayaan yang lebih mendalam. Menurut Prof Dr. Otbman Bakar, ilmu ialah kalimah Allah yang pengertiannya amat luas, hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui. Mengikut takrifan tersebut, Allah SWT ialah sumber sebenar ilmu. Imam al-Ghazali menyatakan bahawa ilmu ada dua cabang besar, iaitu ilmu fadhu ain (ilmu wahyu) yang berkait dengan ajaran asas agama Islam yang berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Cabang lain diklasifikasi sebagai ilmu fadhu kifayah yang membincangkan ilmu keduniaan yang perlu dipelajari oleh umat Islam untuk kesejahteraan hidup.

Mengikut ahli falsafah Barat, ilmu itu ialah sesuatu yang dilahirkan daripada pemikiran rasional yang datangnya daripada idea original. Ilmu mengikut pandangan mereka ialah satu cara untuk membezakan apa yang salah dan apa yang benar. Dalam proses pencarian ilmu mereka akan cuba menjadi objektif untuk menentukan ilmu yang rasional. Apabila sesuatu itu diperhati dan dicatat secara menyeluruh, pemerhatian itu telah mencapai status bukti yang kukuh dan satu kenyataan saintifik boleh dihasilkan. Pandangan ini dibawa oleh David Hume yang mengatakan akal dan kekuatan adalah assosiasi idea-idea dan pengalaman.